

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam mengesan pemaju atau sindiket yang menyalahgunakan jenama Residen Wilayah bagi mengelirukan pembeli. Nyatakan statistik pihak yang telah diambil tindakan dan bentuk tindakan yang diambil.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah mewar-warkan kepada orang awam bahawa semua pemohon Residensi Wilayah mesti berdaftar dan memohon melalui Portal Residensi Wilayah, merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Residensi Wilayah.

Walau bagaimanapun, Kementerian dapat mengesan sindiket yang menyalahgunakan jenama Residensi Wilayah setelah mendapat aduan daripada orang awam melalui emel, telefon dan juga orang awam yang datang ke Kementerian.

Dalam rekod Kementerian, terdapat 7 aduan telah diterima sejak tahun 2019 hingga kini berkenaan penyalahgunaan jenama atau iklan palsu Residensi Wilayah. Kementerian telah mengambil tindakan segera dengan mewar-warkan penyalahgunaan tersebut kepada orang awam dengan menggunakan platform media sosial Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam menangani kewujudan akaun media sosial palsu Residensi Wilayah dan aktiviti penipuan secara dalam talian, Kementerian juga mengambil tindakan dengan melaporkan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) selaku pihak berkuasa dan SKMM telah mengambil tindakan segera dengan menurunkan akaun-akaun palsu tersebut. Sebagai langkah ke hadapan, bagi sebarang aduan berkaitan kandungan media baharu, Kementerian akan membuat aduan secara terus kepada Jabatan Perlindungan Pengguna SKMM melalui

## SOALAN NO : 19

Portal Aduan di pautan [aduan.skmm.gov.my](http://aduan.skmm.gov.my) atau melalui emel kepada [aduanskmm@mcmc.gov.my](mailto:aduanskmm@mcmc.gov.my). Koordinasi secara bersepadu antara KWP dan SKMM akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan platform internet dan media sosial bebas daripada kandungan negatif.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Selain itu, Kementerian ini juga pernah menerima aduan berkenaan sindiket penipuan yang menawarkan rumah mampu milik dengan harga yang rendah menggunakan logo Kementerian dan logo RUMAWIP sehingga mengelirukan pembeli. Sindiket ini juga mengeluarkan surat tawaran palsu dengan menggunakan kepala surat Kementerian dan tandatangan pegawai yang palsu. Sindiket ini telah mengakibatkan kerugian kepada mangsa yang tertipu.

Kementerian telah mengambil tindakan dengan mewar-warkan sindiket ini melalui kenyataan media yang menegaskan bahawa sebarang permohonan Residensi Wilayah hanya boleh dimohon melalui portal rasmi Residensi Wilayah iaitu di alamat [residensiwilayah.kwp.gov.my](http://residensiwilayah.kwp.gov.my). Mana-mana individu yang berminat untuk membeli Residensi Wilayah perlu membuat permohonan melalui portal rasmi Residensi Wilayah. Segala urusan permohonan adalah melalui janaan sistem dan atas talian. Notifikasi tawaran juga akan dihantar melalui emel yang didaftarkan oleh pemohon.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Mengikut Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 bagi melindungi kepentingan pembeli dan pematuhan peraturan di bawah Akta 118, tiada sebarang bentuk kutipan wang boleh

## SOALAN NO : 19

dilakukan oleh pemaju daripada pemohon termasuklah kutipan yuran komitmen sebelum menandatangani perjanjian jual beli.

Kementerian juga telah menasihatkan pemohon bahawa sebarang aduan berkaitan kutipan bayaran juga boleh dikemukakan terus kepada Sistem Aduan Bersepadu Jabatan Perumahan Negara di laman sesawang [aduan.kpkt.gov.my](http://aduan.kpkt.gov.my).